

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT BELAS
17 APRIL 2020**

PERKARA : 5(B)(XII)26

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SUNGAI DUA
YB. DATO' MUHAMAD YUSOFF BIN MOHD NOOR**

26. Berikan jumlah premis rumah urut yang berlesen dan tidak berlesen mengikut daerah.
- (a) Apakah tindakan yang diambil oleh Kerajaan Negeri untuk mengekang daripada pertambahan premis ini dan berapa banyak yang telah ditutup bagi yang tidak berlesen?
- (b) Berapa ramaikah penglibatan daripada warga asing dalam aktiviti rumah urut? Senaraikan.

**YB. JAGDEEP SINGH DEO A/L KARPAL SINGH
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

26. Jumlah keseluruhan premis rumah urut berlesen di Pulau Pinang adalah sebanyak 334 buah manakala jumlah yang tidak berlesen adalah sebanyak 13 buah. Perincian jumlah rumah urut mengikut daerah adalah seperti di jadual berikut:

DAERAH	JUMLAH RUMAH URUT	
	BERLESEN	TIDAK BERLESEN
Timur Laut	34	2
Barat Daya	5	0
Seberang Perai Utara	95	0
Seberang Perai Tengah	156	4
Seberang Perai Selatan	44	0
JUMLAH	334	6

- (a) Tindakan yang diambil oleh Kerajaan Negeri untuk mengekang pertambahan premis rumah urut tidak berlesen adalah seperti berikut:
- (i) Mengambil tindakan undang-undang di mahkamah di bawah Akta Kerajaan Tempatan dan Undang-Undang Kecil Bayaran Lesen kerana menjalankan perniagaan tanpa lesen yang sah;
 - (ii) Mengeluarkan tawaran kompaun dan notis mengkehendaki perniagaan dihentikan kepada pengusaha rumah urut yang tidak berlesen; dan
 - (iii) Bekerjasama dengan PDRM bagi penyaluran maklumat status lesen untuk tindakan undang-undang di mahkamah.

Bagi kawasan Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) tiada premis yang tidak berlesen ditutup memandangkan dua (2) premis di kawasan Timur Laut sedang dalam proses di peringkat MBPP. Bagi kawasan Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSPP) pula, terdapat sebanyak empat (4) buah premis rumah urut tidak berlesen sedang dalam tindakan penguatkuasaan.

- (b) Jumlah keseluruhan pekerja aktif setakat Feb 2020 bagi industri rumah urut adalah seramai 164 orang. Perincian mengikut warganegara dan jantina adalah seperti berikut:

Warganegara	Jantina	
	Lelaki	Perempuan
China	2	36
India	0	1
Indonesia	3	33
Myanmar	3	1
Thailand	0	74
Vietnam	3	8
Jumlah	11	153
Jumlah Keseluruhan	164	